



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL MYSTEP
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi **segera** kekosongan **Personel MySTEP** di KPN bagi jawatan seperti berikut:

JAWATAN	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (MySTEP 29) BIDANG PEMBANGUNAN SISTEM – 1 KEKOSONGAN BIDANG TEKNIKAL – 1 KEKOSONGAN
GAJI DITAWARKAN	RM 1,900.00/ SEBULAN
TEMPOH	TARIKH LAPOR DIRI SEHINGGA DISEMBER 2024
KEMUDAHAN	CUTI REHAT, CUTI SAKIT, CARUMAN KWSP DAN CARUMAN PERKESO
PENEMPATAN	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA BLOK F9, PARCEL F, PRESINT 1 W/P. PUTRAJAYA

SYARAT KELAYAKAN:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang daripada 20 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Memiliki kelulusan diploma/ ijazah dalam bidang Sains Komputer/ Teknologi Maklumat/ Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
4. Mampu bekerja dalam situasi yang mendesak dan boleh menyiapkan tugas mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan;
5. Boleh bekerja di bawah pengawasan yang minimum serta dapat menyiapkan tugas dalam tempoh yang singkat dan semangat bekerja berpasukan yang tinggi;
6. Mempunyai minat untuk meningkat ilmu dan kemahiran diri; dan
7. Bertanggungjawab dan berdisiplin.

**PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (MySTEP 29)
BIDANG PEMBANGUNAN SISTEM – 1 KEKOSONGAN**

DESKRIPSI TUGAS

1. Melaksanakan pembangunan sistem berdasarkan keperluan pengguna;
2. Membina rekabentuk antaramuka dan sistem;
3. Menjalankan pembangunan (*development*) sistem menggunakan PHP, *Laravel Framework*, CSS, Javascript, AJAX, HTML, Bootstrap, MySQL, MariaDB dan lain-lain berdasarkan keperluan pengguna;
4. Melaksanakan *system deployment* dari *development, testing* ke *production server*;
5. Menjalankan *debugging, testing* dan *fixing* pada sistem;
6. Melakukan CR (*Change Request*) bila diperlukan;
7. Membangunkan manual pengguna (*user guide*) sistem;
8. Melaksanakan latihan penggunaan sistem pada pengguna (*end-user*); dan
9. Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (MySTEP 29)
BIDANG TEKNIKAL – 1 KEKOSONGAN**

DESKRIPSI TUGAS

1. Menyelenggara rangkaian dan keselamatan infrastruktur ICT Kementerian;
2. Menyelenggara Pusat Data Kementerian;
3. Melibatkan diri dalam pembudayaan ICT Kementerian (Bengkel/ Taklimat/ Seminar);
4. Melaksana dan memberi bantuan teknikal melalui perkhidmatan Helpdesk ICT;
5. Menyediakan bantuan teknikal terhadap keperluan-keperluan berkaitan teknikal bagi program-program anjuran Kementerian dan agensi; dan
6. Melaksanakan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

Calon yang berminat hendaklah menghantar permohonan dengan mengemukakan dokumen berikut **sebelum** atau pada **26 April 2024 (Jumaat)**:

1. **Resume beserta gambar berwarna terkini** (sila nyatakan jawatan yang dimohon); dan
2. **Salinan sijil-sijil berkaitan (Ijazah/Diploma, Transkrip)**

Ke alamat seperti di bawah:

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Bahagian Pengurusan Maklumat

Aras 7, Blok F9, Kompleks F

Presint 1, Lebuhraya Perdana Timur

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62000 W.P. PUTRAJAYA

(u.p. : Puan Nurul Najwa binti Zakaria)

- ***Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditanda * Personel MySTEP – Penolong Pegawai Teknologi Maklumat* di sebelah kiri atas sampul.***

ATAU

Emelkan permohonan anda ke spps@perpaduan.gov.my